

VOICE OF RADICALLY TRANSFORM, TECHNICAL ENABLE AND SKILLFULL YOUTH

# VORTEKS



2012

mechanical

skill

ceramic

ILP IPOH

engineering

# SUARA GENERASI MAHIR



technical

[www.ilpipoh.gov.my](http://www.ilpipoh.gov.my)

# SEJARAH ILP IPOH

Institut latihan Perindustrian (ILP) Ipoh atau lebih dikenali dahulu dengan panggilan Industrial Training Institute (ITI) telah dibina di atas sebidang tanah seluas 25 ekar dan ia terletak di kawasan Perindustrian Taman Meru Jelapang iaitu 12 kilometer dari pusat bandaraya Ipoh. Ia telah dibina pada tahun 1988 dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Shah pada 03 Julai 1992 dan mula beroperasi pada tahun 1990 dengan pengambilan seramai 42 orang pelajar perintis. Kini Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh boleh menampung jumlah pelajar sehingga 750 orang dalam satu masa dengan 11 kursus ditawarkan dan operasinya dilaksanakan oleh 143 kakitangan.



The Plaza  
11:10:43  
Friday 02.23.2013



## Menarik didalam...



ILP Juara Piala KPJTM



Luncheon Talk



Fotografi



Perkemahan



Perasmian RTC

SUARA GENERASI MAHIR INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN IPOH



**Pengerusi**  
**Kelab Redaksi & Fotografi**  
Mohd Nasir Bin Taib



**Bendahari**  
**Kelab Redaksi & Fotografi**  
Ismazaidi Bin Ismail



**Setiausaha**  
**Kelab Redaksi & Fotografi**  
Mohd Rizal Bin Sulaiman



**Ahli Jawatankuasa**  
**Kelab Redaksi & Fotografi**  
Rlduan Bin Mohd Zulkifli

---

## Suara Generasi Mahir

---

### Kemahiran Teras Kecemerlangan

---

#### **Penaung**

En. Jamil Bin Yahya  
Pengarah  
Institut Latihan Perindustrian Ipoh

---

#### **Penasihat**

En. Mohd Radzi Bin Maskur  
Timbalan Pengarah  
Institut Latihan Perindustrian Ipoh

---

#### **Editor**

Pn. Roslina Binti Mohd Azizuddin  
Penolong Pengarah (Pengurusan Hal Ehwal Pelajar)  
Institut Latihan Perindustrian Ipoh

---

---

## **BILIK GERAKAN SUARA MAHIR**

---

### **MAKMAL PUSAT SUMBER**

---

#### **INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN**

**Jabatan Tenaga Manusia,**  
**(Kementerian Sumber Manusia)**

Kawasan Perindustrian Taman Meru  
30020, Ipoh  
Perak Darul Ridzuan  
Tel : 05-5277777 Fax : 05-5270702  
[www.ilpipoh.gov.my](http://www.ilpipoh.gov.my)



## Sidang VORTEKS

ASSALAMUALAIKUM...wbt

Segala puji bagi Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama mengucapkan syukur kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama dalam penerbitan buletin ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan sidang redaksi yang telah bekerja keras merealisasikan impian menerbitkan buletin Vorteks ini. Buletin ini tidak akan terhasil tanpa kerjasama dan komitmen yang tinggi dari semua yang terlibat. Usaha sebegini secara tidak langsung dapat menyerlahkan betapa pentingnya konsep permuafakatan bagi menjulang kejayaan.

Pihak ILP Ipoh sentiasa berharap dan menggalakkan para pelajarnya menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum sebagai pelengkap kepada pengetahuan dan kemahiran profesionalisme yang diperolehi melalui program kemahiran. Penglibatan secara tidak langsung dapat memperkayakan ilmu dan pengalaman pelajar. Ini penting memandangkan pelajar semua adalah bakal pemimpin dan tenaga penggerak yang akan memacu kejayaan Negara bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Tahniah sekali lagi diucapkan kepada barisan sidang redaksi buletin Vorteks pada sesi ini diatas segala usaha bagi menyiapkan buletin rasmi ILP Ipoh ini. Diharapkan buletin ini akan menjadi lebih mantap dan dapat mengekalkan kecemerlangannya pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

JAMIL BIN YAHYA  
PENGARAH ILP IPOH.



Pengerusi MSR  
En. Kachern Mernpraphan Prak Tom



## MINGGU SILATURRAHIM (MSR) 2012

Seperti lazimnya, Institut Latihan Perindustrian Ipoh akan menerima warga baru pada bulan Januari dan Julai setiap tahun. Pada tahun 2012, pendaftaran pelajar baru sesi 1/2012 telah diadakan pada 9 Januari 2012 manakala untuk sesi 2/2012 pada 9 Julai 2012.

Berpegang kepada kata pepatah "Tak Kenal Maka Tak Cinta", maka pelajar-pelajar baru ini akan melalui Minggu Silaturrahim (MSR) selama seminggu setelah mereka melapor diri di institut ini. Minggu Silaturrahim (MSR) yang dijalankan setiap semester ini bertujuan untuk menyesuaikan diri dan mendedahkan kepada pelajar-pelajar baru tentang ILP Ipoh dari segi sistem pembelajaran, kemudahan dan prasarana yang terdapat di sini serta berkenalan dengan rakan-rakan dan warga institut ini bagi memudahkan para pelajar baru ini menjalani kehidupan seharian di sini di samping meningkatkan lagi jati diri, sifat bekerjasama dan semangat ingin belajar dalam diri pelajar.

Minggu Silaturrahim (MSR) tahun 2012 ini telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah ILP Ipoh, En. Jamil Bin Yahya. MSR sesi 1/2012 telah dipengerusikan oleh En. Kachern Mernpraphan A/L Prak Tom manakala bagi sesi 2/2012 dipengerusikan oleh En. Fakhru Anuar bin Saadon dengan kerjasama semua Ahli Jawatankuasa yang dilantik dan Pemudah Cara yang terdiri daripada 30 orang pelajar senior yang dipilih.

Pelbagai aktiviti telah dirangka bagi mencapai objektif MSR ini seperti Ceramah Motivasi, Taklimat Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan (BPPL) dan Bahagian Kawalan Kualiti Latihan (BKKL), Gotong Royong, Ceramah Bomba, AADK dan Polis, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Sukaneka, Kuliah Agama, Taklimat Warden, aktiviti Biro Tatanegara (BTN) dan aktiviti yang paling mencabar iaitu Kembara Bukit Meru. Setiap aktiviti yang dirancang ini mempunyai tujuan yang pastinya diharap dapat membantu pelajar-pelajar baru ini melalui kehidupan seharian sebagai pelajar Institut Latihan Perindustrian Ipoh seterusnya menjadi pelajar yang berkemahiran tinggi dan berdisiplin selaras dengan Misi dan Visi Jabatan Tenaga Manusia.



## BOLASEPAK PERSAHABATAN Team Menteri Besar Perak vs Team ILP IPOH



Pasukan ILP Ipoh telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan Menteri Besar Perak pada 7 Februari 2012.

Perlawanan persahabatan ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara pasukan Menteri Besar Perak dengan STAF ILP Ipoh, menimba ilmu permainan bola sepak dari pemain profesional dan persediaan bagi menghadapi Kejohanan Piala Ketua Pengarah JTM. Dikesempatan itu juga, staf ILP Ipoh dapat beramah mesra dan mengenali dengan lebih dekat lagi, YAB. Dato' Seri Dr. Zambry B. Abd Kadir, Menteri Besar Perak.

Pasukan Menteri Besar Perak telah diwakili oleh beliau

sendiri dan juga bekas pemain Perak seperti Chee Wan Hoe, Chan Kok Heng, Abdul Rais Rashid, P Ravindran, bekas ketua pasukan Malaysia Ahmad Shahrul Azhar dan ramai lagi.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada pemain-pemain bolasepak ILP Ipoh kerana berpeluang untuk menimba pengalaman yang amat berharga daripada bekas-bekas pemain perak yang suatu ketika dahulu amat disegani, walaupun pasukan ILP Ipoh kecundang di tangan pasukan Menteri Besar Perak dengan jaringan 2-0.

Terima Kasih dan tahniah diucapkan kepada pasukan Menteri Besar Perak yang sudi mengadakan perlawanan persahabatan dengan ILP Ipoh dan kehadiran Menteri Besar Perak ke ILP Ipoh adalah sesuatu yang tidak dapat dilupakan. Terima Kasih.



## KONVENSYEN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) WILAYAH UTARA

Pada 9 hingga 11 Mac 2012 julung kalinya diadakan Konvensyen Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Konvensyen ini dijalankan di Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas Pulau Pinang. Konvensyen ini diadakan bagi mewujudkan perpaduan dan jaringan sosial yang baik di antara Majlis Perwakilan Pelajar setiap Institut.

Pelbagai program telah dijalankan sepanjang Konvensyen ini berlangsung. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti sukan, pengucapan awam oleh Presiden dan Timbalan Presiden MPP setiap Institut, Pertandingan Futsal antara Institut, Pertandingan Bola Tampar dan juga Malam Bakat Seni pada malam terakhir konvokesyen. Konvensyen ini juga dijalankan bagi memilih Presiden MPP Wilayah Utara dengan menjalankan sistem undian oleh semua perwakilan.



Salah seorang pelajar ILP Ipoh iaitu Nor Amalina binti Zamri telah dipilih sebagai Timbalan Presiden MPP ILJTM Wilayah Utara dengan mengalahkan undian calon Timbalan Presiden yang lain. Presiden MPP ILJTM Wilayah Utara disandang oleh pelajar dari Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas. Semoga dengan lantikan ini menjadi sumber inspirasi kepada semua MPP untuk terus berjuang dan merencana pelbagai program disamping melahirkan individu bermodal insan unggul.





## MINGGU KESENIAN ISLAM ILP IPOH

Minggu Kesenian Islam ILP IPOH telah diadakan pada 15 Mac 2012. Tujuan program ini diadakan bagi membentuk sahsiah diri pelajar dan menerapkan konsep hiburan berlandaskan hukum syariah. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang minggu adalah pertandingan Azan dan Iqomah, Nasyid, Tulisan Khat, Pidato dan Tilawah Al-Quran.

Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang acara yang dipertandingkan dan juga ribuan terima kasih kepada Biro Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar yang telah bertungkus-lumus menjalankan aktiviti ini dengan jayanya.

Rasullullah SAW bersabda  
 Sesungguhnya ALLAH SWT tidak memandang kepada paras rupa dan harta benda kamu tetapi ALLAH hanya memandang kepada niat hati dan amalan - amalan kamu hadis Riwayat Muslim.



## JTM TAWON DI JTMRC & ROBOCON KEBANGSAAN 2012

Jawatankuasa Robot ILP Ipoh 2012 telah ditubuhkan pada tahun 2012 khusus untuk penyertaan sulung ILP Ipoh ke JTMRC (Jabatan Tenaga Manusia Robot Challenge) dan ROBOCON Kebangsaan 2012. Sesungguhnya, atas usaha dan komitmen penyarah, pelajar dan pihak pengurusan, ILP Ipoh telah Berjaya menyertai kedua-dua pertandingan tersebut.

Dengan tema rasmi ROBOCON 2012, "Peng On Dai Gat : In Pursuit of Peace and Prosperity" 3 buah robot telah dibina dan diberi nama JTM Tawon (Tebuan) sempena sifat tebuan yang mempunyai bisa/sengat yang sangat menyakitkan. 3 buah robot tersebut terdiri daripada 1 robot manual yang boleh ditanggung dan 2 buah robot automatik. Objektif pertandingan dalam tema rasmi adalah robot mestilah boleh mengambil "bun" di menara dan dimasukkan ke dalam bakul. Di sini ketepatan dan ketangkasan robot sangat dititik beratkan.



Semasa pertandingan ROBOCON Kebangsaan 2012 yang berlangsung di Stadium Negeri Terengganu, Kuala Terengganu pada 12-17 Julai 2012, sebanyak 62 pasukan telah mengambil bahagian dan pasukan ILP Ipoh, JTM Tawon telah menduduki tempat ke-33/62. Pertandingan ini dianjurkan oleh SIRIM dengan kerjasama UTM, Radio Televisyen Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Jawatankuasa Robot ILP Ipoh 2012 diketuai oleh En. Rhoma Erma Bin Zaini (Penolong Pengarah Pengurusan Sumber) dan dibantu oleh pensyarah –pensyarah berikut :

- En. Mohd Khairi Bin Alwi / Mekanik Industri
- En. Ahmad Basheer Bin Mohamed Rasul / Bhg. Kawalan Kualiti Latihan/UPP
- En. Mohd Muhaiyudin Bin Mohmd Yusoff / Bhg. Kawalan Kualiti Latihan
- En. Dadie Akmal Bin Shamsuri / Tek. Penyejukkakuan dan Penyeraman Udara
- En. Mohd Safuan Bin Aminuddin /Tek. Perkakasan
- En. Zaid Zulfaqah Bin Shaharin / Tek. Perkakasan

Manakala pelajar yang terlibat adalah dari Bahagian Mekanik Industri iaitu :

- Izuan Bin Yahya
- Muhamad Amir Hidir Bin Ismail
- Muhamad Syafiq Bin Hariri
- Bayanuddin Bin Ismail
- Ahmad Fadhil Bin Mohamad
- Mohamad Affifi Bin Samsudin
- Didi Azhar Bin Mashadi
- Muhammad Saufi Bin Marsalim
- Mohamad Ashraf Bin Rossli
- Ridhwan Bin Md Noor

Pihak ILP Ipoh mengucapkan syabas dan setinggi –tinggi penghargaan kepada Pasukan JTM Tawon yang telah berupaya membawa nama ILP Ipoh ke satu tahap yang lebih tinggi.



# LUNCHEON TALK



Pada 22 Mac 2012 bertempat di Dewan Sri Kledang, ILP Ipoh telah menganjurkan Program Luncheon Talk bersama Industri .

Program ini telah di rasmikan oleh Ybgh Dato' Romli Bin Hasan, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia. Sejumlah 36 wakil dari pihak Industri dan 6 wakil dari agensi kerajaan menyertai program tersebut. Turut sama dalam majlis tersebut adalah semua ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia negeri Perak serta agensi kerajaan negeri.

Antara objektif utama program ini adalah sebagai satu platform untuk memperkenalkan wakil dari pihak industri kepada program-program terbaru dan juga membantu agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia memahami kehendak industri dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Program ini juga dijadikan pemangkin kepada jalinan kerjasama dengan komuniti industri dikawasan sekitar Ipoh khususnya kawasan negeri Perak.



Dalam Program Ini juga peserta telah diberi penerangan ringkas berkenaan topik-topik Program Sepenuh Masa, Program Separuh Masa, Program CUDBAS, "Training Cum Production", "Teaching Factory" dan Kerjasama yang boleh dijalinan (MoU) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Sumber Manusia.



# Corporate Social Responsibility



Program Corporate Sosial Responsibility (CSR), 'Sinaran Kehidupan' ILP Ipoh ini telah dijalankan di kawasan komuniti Jelapang selama tiga (3) hari iaitu pada 23 – 25 Mac 2012. Program Khidmat Masyarakat yang dijalankan ini adalah bertujuan bagi melatih dan memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari di samping menabur bakti kepada masyarakat yang memerlukan. Di samping itu, ianya juga dapat mempromosikan ILP Ipoh kepada semua lapisan masyarakat setempat terutama belia lepasan sekolah. Program ini telah dijalankan oleh pelajar-pelajar Semester 2 dan 4 Teknologi Elektrik.

Rumah Kediaman di Jelapang Jaya ini terpilih bagi Program CSR berdasarkan kepada keperluan asas yang tidak dimiliki oleh penghuninya En. Mohd Azlee Bin Sharif, seorang bapa tunggal dengan dua orang anak yang masih berada di bangku sekolah dan tidak mempunyai pendapatan tetap. Keadaan rumah beliau tidak selamat dari segi pendawaian elektrik, tingkap rumah yang pecah, dinding tidak dilepa dan dicat serta bumbung rumah yang tidak bersiling.

Dalam program ini, ILP Ipoh dengan kerjasama Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Manusia membantu penghuni rumah dengan merangkumi kerja-kerja membaikpulih rumah termasuk memasang siling dan mengecat, membuat pendawaian semula di keseluruhan rumah, membaiki semua tingkap serta membersihkan halaman sekitar. Dapur gas, kipas meja, langsir, tikar getah serta kelengkapan dapur juga turut disumbangkan bagi meringankan beban Encik Mohd Azlee

Turut hadir pada Majlis Perasmian Penutup Program ini ialah En. Mohd Sani Bin Abdul Rahman, KPP Bahagian Kewangan JTM, Puan Siti Mursalin Binti Sujono serta beberapa pegawai dari Unit Kewangan dari JTM, Haji Jamaludin Amir bin Abdullah, Ketua UMNO Cawangan Jelapang Jaya mewakili Ketua Kampung Dato' Ahmad Said/ Jelapang Jaya dan isteri Hajah Surai binti Hussin, Ketua Wanita UMNO Cawangan Jelapang Jaya juga JKKK Kampong Dato' Ahmad Said/ Jelapang Jaya serta penduduk sekitar Jelapang Jaya.



## KEJOHANAN BOLASEPAK PIALA KETUA PENGARAH JTM



Institut Latihan Perindustrian Ipoh, Perak muncul Juara pertama bolasepak SeMalaysia Piala Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia di ADTEC Taiping, Perak, pada 6 – 8 April 2012.

Kejohanan Bolasepak Piala Ketua Pengarah JTM buat pertama kalinya telah dilangsungkan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, Perak.

Kejohanan kali ini telah disertai oleh 8 ILJTM iaitu pasukan ILP Kangar, ILP Jitra, ILP Ipoh, ILP Kuala Lumpur, ILP Kuala Terengganu, ILP Kuantan, ADTEC Kulim dan ADTEC taiping selaku tuan rumah.

Pada peringkat kumpulan pasukan ILP Ipoh di undi bersama-sama pasukan ILP Jitra, ILP Kuala Terengganu dan ADTEC Kulim. Pasukan ILP Ipoh mara ke akhir selepas mengeneipkan ADTEC Kulim 3-1, ILP Jitra 6-0 dan ILP Kuala Terengganu 4-0 pada peringkat kumpulan. Di separuh akhir ILP Ipoh menewaskan ILP Kuala Lumpur 4-0.

Pada perlawanan akhir ILP Ipoh berjaya mengalahkan ADTEC Kulim dengan jaringan 3-0, dimana, Abdul Razak membuka tirai jaringan dan diikuti 2 gol oleh Khachern Mempraphan (dalam gambar) dan sekaligus dinobatkan sebagai Pemain Terbaik.



Juara – ILP Ipoh  
Naib Juara – ADTEC Kulim  
Tempat Ketiga – ILP Kuala Lumpur

Majlis Penutup dan penyerahan piala telah disempurnakan oleh Dato' Haji Romli selaku Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia yang telah hadir dan menyaksikan perlawanan akhir di antara ILP Ipoh dan ADTEC Kulim. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pemain-pemain pasukan bolasepak ILP Ipoh kerana telah Berjaya menjadi Juara Edisi Pertama (Juara Sulung) Piala Ketua Pengarah JTM 2012.

Pasukan ILP Ipoh diwakili oleh ;  
Pengurus : Hamidom Bin Ngah  
Pen. Pengurus : Mohd Nazri Bin Mohd Ali  
Jurulatih : Mohd Zafri Bin Mohamed Aris  
Pen. Jurulatih : Hishamuddin Bin Saidin  
Pen. Jurulatih 2 : Mohd Zamri Affendi Bin Zakaria  
Pegawai Perubatan 1 :  
Khairol Nizam Bin Azmi  
Pegawai Perubatan 2 :  
Mohd Shahrul Azri Bin Abdul Rahim  
Pemain :  
- Aidil Hakim Bin Ahmad  
- Hafizul Bin Eidan  
- Khachern Mempraphan A/L Prak Tom  
- Sompong A/L Boon Liang  
- Dadie Akmal Bin Shamsuri  
- Fakhru Anuar Bin Saadon@Saadan  
- Asrul Shahir Bin Ishak@Che Man  
- Mohd Nordin Bin Taha  
- Amir Syahrul Bin Abdullah  
- Mohd Azamuddin Bin Ariffin  
- Anuar Bin Sulong  
- Parameswara A/L Ganesan  
- Mohd Fazizi Bin Mat Rasdi  
- Nor Fazli Bin Mohd Nor  
- Mohd Jamaudin Bin Mohd Mustapa  
- Abdul Razak Bin Mat Deris  
- Wan Khairul Aswandi Bin Wan Mohd Ali



# KARNIVAL SUKAN

## ILP IPOH 2012

Karnival sukan diadakan bermula 16 April 2012 berlangsung selama 2 minggu. Pada tahun ini para pelajar dibahagikan mengikut rumah sukan yang telah dipilih dan tidak mengikut bidang kemahiran seperti tahun sebelumnya.

Sebanyak 5 buah rumah sukan yang bertemakan warna Hitam, Putih, Maroon, Jingga dan Ungu. Setiap rumah yang dipertandingkan mempunyai 'maskot' dan 'tagline' yang tersendiri.



Karnival ini telah dirasmikan oleh En. Jamil bin Yahya selaku Pengarah ILP Ipoh dan dijayakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Jawatan Kuasa Sukan Pelajar ILP Ipoh.

Hampir 12 acara dipertandingkan pada tahun ini. Antara acara yang berlangsung seperti bola sepak, sepak takraw, bola tampar, badminton, tarik tali, bola jaring, ping pong dan lain-lain lagi. Karnival sukan ini diadakan bagi mewujudkan persefahaman di antara para pelajar, memupuk semangat berpasukan di samping melahirkan generasi pelajar yang aktif dan sihat dengan bersukan.

Karnival yang berlangsung selama 2 minggu ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah kepada semua pemenang. Rumah Maroon dinobatkan sebagai juara keseluruhan.



# Perhimpunan

Perhimpunan Mesra Bulanan telah diadakan sebanyak 3 kali pada tahun 2012 iaitu pada 19 April 2012, 20 Julai 2012 dan 14 Disember 2012.



Perhimpunan tersebut dikelolakan oleh bengkel-bengkel secara giliran iaitu oleh Bengkel Penyelukbekuan dan Penyamanan Udara (April), Bengkel Teknologi Komputer (Sistem) (Julai) dan Bengkel Teknologi Pembuat Acuan dan Alat Pemotong (Disember) dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Majlis Perhimpunan Bulanan telah dimulakan dengan nyanyian 3 buah lagu wajib iaitu lagu Negaraku, lagu JTM dan lagu Perkhidmatan Awam dan disusuli dengan bacaan Doa serta Ikrar Perkhidmatan Awam oleh Pegawai dan Kakitangan ILP Ipoh. Majlis diteruskan dengan agenda kemuncak iaitu taklimat, amanat dan penerangan mengenai isu-isu semasa berhubung perkhidmatan ILTJM oleh Tuan Pengarah ILP Ipoh. Ianya bertujuan agar semua staf institut maklum dan bersedia



# Mesra Bulanan

dengan segala perubahan dan tanggungjawab baru yang diamanahkan. Majlis diceritakan lagi dengan sambutan Ulang Tahun bagi staf institut mengikut bulan dan penganugerahan kepada Pekerja Cemerlang yang telah dicalonkan. Majlis akan diakhiri dengan Jamuan Makan Tengahari yang ditaja oleh Pertubuhan Sukan dan Kebajikan Kakitangan (PSKK).

Pada Perhimpunan kali pertama, Majlis diserikan dengan dua (2) orang pegawai yang telah bersara dalam perkhidmatan awam dalam tahun 2012 iaitu :

- i. Pn. Ramlah Binti Abdul Rahman  
Peg. Khidmat Pelanggan N17
- ii. En. Mohd. Nor bin Ismail  
Pen. Peg. Lat. Vokasional J38

Kehadiran kedua-dua pesara tersebut amat bermakna kepada semua staf institut. Kesungguhan dalam menjalankan tugas sepanjang berada di dalam perkhidmatan awam amat dihargai.

Pada Julai 2012 pula, ILP Ipoh turut mengadakan sambutan sempena Ramadhan Al-Mubarak yang hampir tiba. Majlis turut diberkati dengan penyampaian takziah oleh Ustaz Azhar bin Mamat. Turut diadakan ialah penyampaian hadiah kepada staf yang memenangi acara sukan di Kejohanan Sukan

Kakitangan ILJTM Wilayah Utara 2012. Kejohanan tersebut telah diadakan di ADTEC Kulim pada 29 Jun hingga 01 Julai 2012. ILP Ipoh telah berjaya merangkul 2 pingat emas melalui acara Tenis Perseorangan dan Bola Jaring, 3 pingat perak melalui Tenis Beregu, Bowling Individu Lelaki dan Bowling Berkumpulan Wanita dan 4 pingat gangsa melalui Tenis Individu, Bola Tampar Wanita, Badminton dan Ping Pong. Majlis turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Staf yang terlibat menyertai Pertandingan Robocon di Kuala Terengganu.

Majlis terakhir diadakan pada Disember dengan amanat bagi pencapaian akhir tahun dan permulaan untuk tahun 2013. Sesungguhnya perhimpunan ini amat bermakna kepada semua staf institut yang berhimpun selain dapat mengeratkan silaturrahim.



## ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULANAN - ILP IPOH

### JANUARI



**AZURIL AZRAK BIN RAMLI**  
BPPA

### FEBRUARI



**MASTURA BT ABU DAUD**  
PENTADBIRAN & KEWANGAN

### MAC



**ZAID ZULFAQH BIN SHAHRIN**  
TEKN. PEMB. PERKAKASAN

### APRIL



**ROZMI BIN ROFLE**  
TEKN. ELEKTRIK

### MEI



**MOHD NAZRI BIN MOHD ALI**  
CESS

### JUN



**NOOR LIZA BT SAPIEN**  
BPPL

### JULAI



**MOHD KHAIRI BIN ALWI**  
TEKN. MEKANIK INDUSTRI

### OGOS



**HAMIDAH BT WAHAB**  
TEKN. CADD MEKANIKAL

### SEPTEMBER



**AZFARID NIZUWAN BIN A. SANI**  
PENTADBIRAN & KEWANGAN

### OKTOBER



**HISHAMUDDIN BIN SAIDIN**  
TEKN. FOUNDRY

### NOVEMBER



**HJH ADINIAH BT M. RADZAI**  
TEKN. KOMPUTER (SISTEM)

### DISEMBER



**SUHAIMI BIN HASHIM**  
TEKN. KIMP. ARKA & GAS



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2011



Mohamad Radzi Bin Maskur  
Peg. Lat. Vokasional J48



Hamidom Bin Ngah  
Peg. Lat. Vokasional J44



Norsuhaila Bt Kasah  
Pen. Peg. Lat. Vokasional J38



Mohd Nor Bin Ismail  
Pen. Peg. Lat. Vokasional J38



Khairul Nizam Bin Azmi  
Pen. Peg. Lat. Vokasional J29



Mohd Nordin Bin Taha  
Pen. Peg. Lat. Vokasional J29



M. Zukhairi Bin Dziyauddin  
Pen. Peg. Lat. Vokasional J29



Noorlina Bt M. Shahrudin  
Setiausaha Pejabat N27



Faridah A. Bt Hj A. Rahman  
Pembantu Tadbir N22



Mohd Fazizi Bin Mat Rasdi  
Pem. Peg. Lat. Vokasional J17



Aidil Hakim Bin Ahmad  
Pem. Peg. Lat. Vokasional J17

*Tahniah...!!*

Pada 2 Mei 2012, Pertubuhan Sukan dan Kakitangan (PSKK) ILP Ipoh telah mengadakan mesyuarat agong kali ke 15. Pada mesyuarat kali ini, pembentangan aktiviti dan kewangan PSKK telah dibentangkan oleh Ahli Jawatankuasa bagi tahun 2011. Seramai 81 orang ahli PSKK telah hadir semasa mesyuarat tersebut berlangsung.

Selain daripada pembentangan aktiviti dan kewangan PSKK, mesyuarat pada kali ini juga adalah merupakan pembubaran ahli jawatankuasa lama bagi lantikan ahli jawatankuasa yang baru. Setelah undian dijalankan, berikut adalah senarai ahli jawatankuasa baru yang menerajui PSKK selama 2 penggal;

Pengerusi	: En. Rhoma Erma Bin Zaini
Setiausaha	: Pn. Norsuhaila Bt Kasah
Bendahari	: Ustaz Azhar Bin Mamat
Ajk	: En. Mohd Jamaudin Bin Mohd Mustafa En. Mohd Khairi Bin Alwi En. Zaid Zulfaqah Bin Shaharin Pn. Hamymuhar Niza Bt Mohamad En. Aidil Hakim Bin Ahmad En. Amir Syahrul Bin Abdullah Pn. Noor Liza Bt Sopian En. Samsor Bin Ismail En. Mohd Nor Marikan Bin Mat Nasir Pn. Zarina Bt Mohd Hani
Pemeriksa Kira-Kira	: En. Fakhru ANuar Bin Saadon @ Saadon En. Ahmad Basheer Bin Mohamed Rasul

Tahniah dan syabas diucapkan kepada ahli jawatankuasa baru yang telah dilantik dan semoga dapat meneruskan perjuangan PSKK serta menjaga kebajikan kakitangan ILP Ipoh amnya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli jawatankuasa lama yang telah bertungkus-lumus menjayakan semua aktiviti PSKK sepanjang menerajui PSKK serta telah berkhidmat dengan cemerlang.

# MESYUARAT AGONG PSKK Ke-15





## Perkhemahan Ko-Kurikulum Jabatan Pertahanan Awam.

Perkhemahan Ko-Kurikulum Jabatan Pertahanan Awam Unit ILP Ipoh (JPAM ILP IPOH) telah dua kali dilaksanakan dengan jayanya sepanjang 2012. Pada sesi 1/2012 bertarikh 04 hingga 6 Mei, disertai seramai 55 pelajar manakala sesi 2/2012 yang bertarikh 16 hingga 18 November pula disertai seramai 35 pelajar. Kedua-dua perkhemahan ini yang telah diadakan di Chalet Pak Ya, Pantai Teluk Senangin, melibatkan seluruh AJK Penyelaras Ko-Kurikulum JPAM ILP IPOH yang diketuai pengerusinya Encik Fakhru Anuar Bin Haji Saadon@Saadon. Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk para pelajar seperti Kuliah Bencana Komunikasi, latihan menyelamatkan di darat dan di air, latihan menyelamatkan pertolongan cemas, campfire, ikatan, bina keyakinan diri dan barbeque.

Perkhemahan ini juga merupakan syarat wajib sukatan yang disediakan oleh pihak JPAM untuk melayakkan pelajar itu ditauliahkan Sijil Latihan Penyelamat. Selain itu, aktiviti ini dapat mendedahkan dan menambah ilmu asas pertahanan awam kepada para pelajar dengan pelajaran sedia ada dalam ko-kurikulum. Secara tidak langsung, aktiviti ini mampu melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran sivik dan berilmu.

Aktiviti perkhemahan yang dilangsungkan selama dua malam ini tidaklah boleh dipandang enteng memandangkan setiap aktiviti memerlukan kerjasama setiap individu dan juga pergerakan fizikal supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik. Tidak hairanlah mereka perlu belajar berenang dalam lingkungan jarak 1.5km supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan situasi sebenar.

Aktiviti perkhemahan ini diajar oleh para pengajar yang dijemput dari JPAM Ulu Kinta. Mereka ini sangat berpengalaman luas dalam aktiviti menyelamatkan. Tidak hairanlah sepanjang sesi pengajaran, sering saja dikaitkan dengan situasi sebenar supaya penerapan dan kaedah menguasai panik dapat disampaikan dengan baik. Satu ayat yang pernah mereka katakan dalam sesi pengajaran mereka ialah, "nervous is healthy, but panic is deadly." Oleh itu, menghilangkan rasa panik adalah tunjang utama dalam menyelamatkan. Jurulatih JPAM yang dijemput adalah terdiri dari :



1. PW(PA) Roslan Bin Sulaiman - No Anggota : A43505
2. SJN(PA) Mohd Nazri Bin Sulaiman - No Anggota : A33190
3. KPL(PA) Rosdi Bin Abd. Majid - No. Anggota : A39720

Berikut pula adalah senarai AJK JPAM Unit ILP Ipoh yang sentiasa menjadi nadi keberkesanan untuk sesi kelas setiap minggu dan perkhemahan akhir semester 2012 :

Pengerusi - Fakhru Anuar Bin Haji Saadon@Saadon  
 Setiausaha - Hafizul Bin Eidan  
 Bendahari - Muhamad Shahrul Azri Bin Abdul Rahim  
 Penyelia Platun Alpha - Suhaimi Bin Hashim  
 Penyelia Platun Bravo - Mohd. Fazizi Bin Mat Rashid  
 Penyelia Platun Charlie - Khairul Nizam Bin Azmi  
 Unit Public Relation – Ismail Sainny Bin Saidin  
 - Encik Nasir Bin Taib  
 - Encik Dadie Akmal Bin Syamsuri

Tuntasnya, perkhemahan yang dianjurkan JPAM Unit ILP Ipoh diharap dapat meluaskan lagi pengalaman peserta ke arah melengkapkan lagi keterampilan dan sahsiah diri dan disamping dapat menjalinkan hubungan silaturrahim antara ahli.



## KURSUS ASAS FOTOGRAFI & ADOBE PHOTOSHOP



Pada tahun 2012, Kelab Redaksi dan Fotografi telah mengadakan kursus Asas Fotografi & Adobe photoshop untuk pembelajaran pelajar-pelajar sesi 1/2012 dan sesi 2/2012. Sebanyak 6 sesi kelas telah diadakan sepanjang tahun. Peserta turut dibawa ke Taman Tasek Taiping, Kuala Kangsar serta Kelly Castle di Gopeng bagi latihan penggunaan kamera DSLR.

Peserta diberi tunjuk ajar tentang penggunaan kamera DSLR, teknik-teknik pengambilan gambar yang bermutu juga penyuntingan gambar dengan menggunakan applikasi Adobe Photoshop. Kursus yang diadakan ini bertujuan untuk mempersiapkan diri ahli kelab dengan kemahiran photoshoot dan penggunaan perisian Adobe Photoshop bagi menerbitkan majalan buletin institut kelak.

Ternyata kepuasan dapat dilihat pada raut peserta apabila gambar yang disunting memenuhi citarasa masing-masing dan merupakan gambar yang bermutu. Diharapkan dengan adanya kursus ini, peserta dapat menggunakan ilmu yang diperolehi dalam menjalani kehidupan yang akan datang. Kursus yang diadakan ini akan memberi satu nilai tambah bagi pelajar-pelajar ILP disamping kursus kemahiran yang diperolehi sepanjang pengajian di ILP IPOH.



## BENKEL KERJA DAN TAKLIMAT PROSEDUR KUALITI (JTM-PK-S07)

### AUDIT DALAMAN ISO 9001:2008 BAGI ILJTM ZON UTARA, 2012

Pada 23 April 2012, ILP Ipoh telah menganjurkan Bengkel Kerja dan Taklimat Prosedur Kualiti (JTM-PK-S07) Audit Dalaman ISO 9001:2008 bagi ILJTM Zon Utara, 2012 dengan kerjasama Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Manusia.

Objektif bengkel diadakan adalah bertujuan sebagai medium perbincangan dan penerangan secara terperinci kepada auditor dan auditee mengenai perubahan dan pengemaskinian prosedur kualiti Pengendalian Audit Dalaman (JTM-PK-S07) ISO 9001 : 2008. Bengkel telah dilaksanakan di Bilik Seminar Wan, ILP Ipoh bermula daripada pukul 8.30 pagi sehingga 5.00 petang.

Bengkel ini juga mencatatkan penyertaan seramai 43 orang, terdiri dari wakil-wakil ILJTM Zon Utara (9 buah ILJTM). Pada sesi pagi, sesi taklimat ringkas telah diadakan dan dikelolakan oleh wakil daripada ibu pejabat iaitu Puan Faizah binti Harun, Ketua Audit Dalaman JTM dan dibantu oleh Puan Azlina binti Karim. Sesi taklimat berjalan lancar dan diakhiri dengan sesi soal jawab yang responsif. Kefahaman peserta diperkukuhkan lagi dengan adanya Latih Amal Kefahaman pada sesi tengahari dan pada petang pula, sesi perbentangan hasil latih amal. Bengkel ditamatkan dengan sesi soal jawab terakhir, yang mana, menunjukkan hasil positif dari peserta.



## TAKLIMAT SISTEM PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Pada 30 Mac 2012, Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Amalan 5S telah mengadakan taklimat kepada semua kakitangan ILP Ipoh tentang Sistem Persekitaran Berkualiti 5S. Saranan ini diilhamkan oleh Ybhg. Dato' Ketua Pengarah JTM bagi memastikan semua ILJTM memperoleh persijilan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S.

Taklimat pengenalan tersebut menyatakan dengan jelas tentang kelebihan, kebaikan dan penglibatan staf dalam menjayakan Amalan 5S. Persekitaran kerja akan menjadi teratur dan dapat diurus dengan sistematik. Kesan mengamalkan 5S dapat dilihat secara terus melalui kebersihan dan kekemasan persekitaran kerja.

Penceramah turut menekankan agar semua staf bersama-sama berusaha ke arah mendapatkan pengiktirafan 5S seterusnya mengamalkan sebagai satu kebiasaan di dalam persekitaran kerja setiap hari.

Diharap dengan adanya taklimat yang disampaikan, staf institut mendapat maklumat yang boleh diaplikasikan dalam melaksanakan sistem ini. Semoga ILP Ipoh berjaya dan menerima penganugerahan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S seperti yang dirancang. Selamat Maju Jaya Ke arah Amalan 5S ILP Ipoh.



# LAWATAN SAMBIL BELAJAR

## PELAJAR TEKNOLOGI FOUNDRY KE PROTON CASTING PLANT

Pada 12 Mei 2012 yang lalu, pelajar-pelajar bidang Teknologi Foundri ILP Ipoh telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kilang Proton Casting di Shah Alam.


Dengan adanya lawatan ini, pelajar dapat memahami perjalanan proses pembuatan produk yang pada keseluruhannya menggunakan mesin dan bukannya proses secara manual sepenuhnya. Antara mesin yang dititikberatkan dalam program lawatan ini adalah mesin pembuatan teras dan mesin cantuman teras yang akan mewujudkan rongga pada produk yang komplikated seperti enjin blok.

Semasa lawatan dibuat, pihak proton sedang mengeluarkan produk blok enjin campuro dan juga crank shaft untuk



Proton Exora. Diharapkan dengan adanya lawatan seperti ini, pelajar-pelajar dapat membuka minda dengan lebih luas dalam mempelajari bidang ini kelak.

Rentetan daripada lawatan berkenaan, pihak Proton Casting telah bersetuju menyumbangkan beberapa bahagian blok enjin dan teras yang digunakan untuk kegunaan pelajar di ILP Ipoh. Sebagai tanda penghargaan kepada pihak Proton Casting, Bengkel Teknologi Foundri telah menyumbangkan sebuah piala pusingan bagi Liga Futsal Proton Casting dan diharapkan kerjasama antara Proton dan ILP Ipoh akan berpanjangan.



## PERASMIAN RTC GOPENG PERAK



Rural Transformation Centre (RTC) atau Pusat Transformasi Luar Bandar Gopeng Perak merupakan RTC perintis bagi RTC di seluruh negara di bawah Program Transformasi Luar Bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Ia terletak kira-kira 25 km dari Institut Latihan Perindustrian Ipoh yang bukan sahaja bertindak sebagai wadah penting dalam memudahkan pelbagai urusan penduduk luar bandar tetapi juga menjadi pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, penjagaan kesihatan serta ruang niaga.



Institut Latihan Perindustrian Ipoh yang mewakili Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah terlibat secara langsung semasa Majlis Perasmian RTC Perak yang disempurnakan YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abd. Razak pada 18 Februari 2012 yang lalu. Pihak institut telah mengadakan pameran aktiviti latihan serta aktiviti promosi semasa majlis pelancaran tersebut.



Pameran aktiviti latihan yang dilaksanakan oleh ILP Ipoh telah dilakukan oleh Bahagian Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara, Teknologi Kimpalan Arka dan Gas dan Teknologi Seramik. Selain daripada pameran, ILP Ipoh juga telah mengadakan demonstrasi ringkas berkaitan latihan yang dijalankan di institut ini kepada para pengunjung. Pameran yang diadakan selama 2 hari ini juga membantu mempromosikan ILP Ipoh sebagai salah sebuah Insitusi Latihan Kemahiran Awam milik kerajaan kepada orang ramai. Terima kasih diucapkan kepada Ketua Pengarah JTM, Dato' Hj. Romli bin Hj. Hassan kerana meluangkan masa melawat tapak pameran ILP Ipoh. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Unit Promosi ILP Ipoh serta kakitangan dan pelajar yang bertugas dalam menjayakan pameran ini.

Sebagai makluman, orang ramai yang mengunjungi RTC Gopeng boleh berkunjung ke tapak MINI ILP di RTC Gopeng setiap hari Isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.00 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai ILP Ipoh dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM).



Pada setiap semester, Pengakap Kelana ILP Ipoh akan mengadakan perkhemahan tahunan. Pada sesi 1/2012, aktiviti perkhemahan tahunan diadakan di D'Forest Adventure Camp, Sungai Meru Perak pada 18 hingga 20 Mei 2012 manakala pada sesi 2/2012, Pengakap Kelana ILP Ipoh mengadakan Perkhemahan Akhir Latihan bertempat di Kem Tok Sakah, Teluk Senangin, Perak pada 5 hingga 7 Oktober 2012. Perkhemahan tahunan ini adalah bertujuan untuk menambahkan ilmu kemahiran pengakap dan membuka minda para pelajar untuk mengembangkan ilmu dalam bidang pengurusan.

Program ini bersesuaian dengan tahap pemikiran pengakap kelana yang telah menjangkau usia dewasa iaitu di peringkat belia. Program ini lebih kepada melatih pelajar untuk berani membuat keputusan, tidak gentar menempuhi dugaan, dan berfikir rasional serta kreatif. Sehubungan dengan itu, perkhemahan ini adalah salah satu titik permulaan untuk para pelajar mengenali diri mereka dengan lebih mendalam dan dapat membentuk organisasi yang bermutu dan berkualiti.

Antara aktiviti yang dilakukan semasa perkhemahan adalah berbentuk ikhtiar hidup di hutan, bacaan kompas, Jungle Tracking, menyelamat di air, membina keyakinan diri dan sebagai penutup diadakan malam pengakap. Pada malam pengakap aktiviti akan dilakukan secara santai dengan pelajar dipecahkan dalam kumpulan bagi mempersembahkan nyanyian dan persembahan masing-masing. Pelajar-pelajar juga disajikan dengan barbeque sebagai makan malam. Pada sesi 1/2012, makan malam di dalam hutan diberikan keistimewaan dengan masakan "Char Kuey Teow".

Diharapkan dengan adanya program seperti ini dapat melatih dan membimbing serta memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan dan mengenali diri seterusnya memberikan mereka satu keyakinan untuk menempuhi dunia kepimpinan.

## KHEMAH TAHUNAN PENGAKAP KELANA





# KARNIVAL KERJAYA

Pada 7 Jun 2012, ILP Ipoh telah menganjurkan Karnival Kerjaya bertempat di Dewan Sri Kledang ILP Ipoh. Karnival ini telah dirasmikan oleh Y.bhg Dato' Hj. Romli Bin Hj. Hasan, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia.

Objektif utama pengajuran Karnival Kerjaya oleh ILP Ipoh adalah untuk membantu pencari kerja bermula lepasan SPM sehingga peringkat Ijazah terutama graduan ILP Ipoh bagi mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian. Selain itu, penganjuran program seperti ini dapat mendedahkan kepada pelajar tentang peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka setelah tamat latihan kelak serta menemukan pelajar dengan firma dan juga pihak industri. Pelajar juga turut didedahkan dengan teknik-teknik untuk mencari pekerjaan melalui program 'Kebolehkeraan' yang turut diadakan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak semasa Karnival Kerjaya ini. Penganjuran karnival seperti ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan baik di antara pihak institut dengan pihak industri terutama bagi industri yang beroperasi di sekitar Negeri Perak.

Karnival Kerjaya pada kali mendapat sambutan menggalakkan menerusi kunjungan lebih 2000 orang dari dalam dan luar negeri Perak dengan penyertaan sebanyak 45 majikan yang menawarkan hampir 500 jawatan kosong untuk diisi. Antara syarikat yang menyertai karnival kerjaya kali ini adalah Syarikat Toyota Assemblies, Hovid Bhd, Panasonic Foundry, Yamaha Electronic Industries, CARSEM Bhd, UNISEM Bhd dan lain-lain lagi.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti temuduga terbuka oleh majikan, pendaftaran carian kerja 'online', ceramah bimbingan kerjaya, pameran latihan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia dan banyak lagi. Program selama satu hari ini menerima maklum balas positif daripada pelbagai golongan termasuk graduan yang mencari pekerjaan, belia yang sudah bekerja dan usahawan-usahawan muda.

Kemuncak program ini menyaksikan satu Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara ILP Ipoh dengan Syarikat Hovid Berhad yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah JTM dan Pn. Felicia selaku wakil HOVID Berhad bagi merapatkan lagi hubungan di antara ILP Ipoh dengan pihak industri. Disamping itu, ia merupakan salah satu usaha Unit Komuniti dan Khidmat Sokongan Pekerjaan (CESS) ILP IPOH untuk meningkatkan kadar kbolehkeraan graduan institut ini.



## BENGGKEL PEMANTAPAN ORGANISASI ILJTM WILAYAH UTARA KALI KE-III

Bengkel ini merupakan penganjuran kali ke 3 aktiviti Pemantapan Organisasi ILJTM Wilayah Utara yang diadakan di ADTEC Kulim selepas ILP Kepala Batas (2009) dan ILP Ipoh (2010). Bengkel ini dianjurkan bagi menjadikan aktiviti sukan sebagai satu bentuk komunikasi sosial di kalangan kakitangan ILJTM berbilang bangsa. Selain itu, ia juga dapat memupuk budaya disiplin diri yang tinggi serta menjalinkan hubungan antara institut.

9 buah institut telah menyertai bengkel pada kali ini mulai 29 – 30 Jun 2012 dan 1 Julai 2012 ;

- a) ADTEC Kulim
- b) ADTEC Taiping
- c) JMTI
- d) ILP Ipoh
- e) ILP Nibong Tebal
- f) ILP Perai
- g) ILP Kepala Batas
- h) ILP Jitra
- i) ILP Kangar

Pada kejohanan kali ini, ILP Ipoh telah berjaya meraih beberapa pingat iaitu 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 4 pingat gangsa. Dua acara telah memenangi pingat emas iaitu acara Tenis Perseorangan (En. Fakhru Anuar bin Saadan @ Saadon) dan Bola Jaring. Manakala 3 acara yang telah memenangi pingat perak adalah Tenis Beregu, Bowling Individu Lelaki dan Bowling Berkumpulan Wanita. Pingat gangsa pula diraih melalui acara Tenis Individu (En. Asri bin Ali), Bola Tampar Wanita, Badminton dan Ping Pong.

Semoga kejayaan ini memberi semangat kepada semua kontingen untuk menerapkan semangat berpasukan yang lebih jitu di masa-masa akan datang. MAJULAH SUKAN UNTUK ILP IPOH.



## TAHNIAH ILP IPOH



## MAJLIS KECEMERLANGAN 55

Majlis kesyukuran ini diadakan pada 19 Julai 2012 sebagai tanda kesyukuran kerana ILP Ipoh telah berjaya mendapat pengiktirafan persekitaran tempat kerja yang berkualiti. Majlis ini juga diadakan sebagai tanda penghargaan kepada warga ILP Ipoh yang bekerjasama dalam mencapai anugerah ini. Semoga ILP Ipoh terus maju dan mengekalkan pengiktirafan ini pada masa hadapan.

# PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK RAMADHAN 1433

Pada 8 Ogos bersamaan 19 Ramadhan 1433, Majlis Perwakilan Pelajar telah mengadakan aktiviti gotong-royong bagi memasak Bubur Lambuk bertempat di perkarangan Surau As-Sajadah ILP Ipoh.

Program anjuran Biro Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar ini disertai oleh kakitangan dan pelajar. Program yang bermula pada pukul 9.00 pagi ini dimulai dengan penyediaan peralatan oleh pelajar yang diselia oleh kakitangan institut. Aktiviti ini merupakan acara tahunan bagi meningkatkan semangat kerjasama antara pelajar. Bubur Lambuk yang dimasak telah diagihkan kepada pelajar-pelajar, kakitangan dan juga penduduk-penduduk sekitar. Agihan kepada penduduk sekitar telah dilakukan di Bazaar Ramadhan Taman Jati. Justeru itu, diharapkan, program seperti ini dapat memberi manfaat kepada semua dan mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim sesama pelajar.



# JAMUAN RAYA PSKK

Pertubuhan Sukan dan Kebajikan Kakitangan ILP Ipoh telah menganjurkan Majlis Jamuan Hari Raya bagi tahun 2012 pada hari Khamis, 13 September 2012 yang lalu. Program ini bermula pada jam 8 hingga 11 malam bertempat di Dewan Sri Kledang, ILP Ipoh.

Seramai 100 orang ahli PSKK beserta keluarga telah hadir untuk memeriahkan majlis yang telah dianjurkan. Pelbagai juadah dihidangkan bagi menjamu para tetamu. Antaranya adalah sate, nasi beriani, lemgang, rendang dan lain-lain lagi. Terdapat juga makanan dihidang secara gerai iaitu char kueh teow, kambing golek dan teh tarik.

Majlis dihangatkan lagi dengan acara cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah kepada para tetamu. Ribuan terima kasih kepada jawatankuasa PSKK yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini yang menyaksikan kesemua tetamu pulang dengan membawa hadiah cabutan bertuah dan "door gift". Semoga majlis ini mengeratkan lagi ukhuwah antara kakitangan dan keluarga ahli PSKK.



## LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH JTM

Lawatan kerja oleh Tn. Hj. Syed Mohamad Noor bin Syed Mat Ali, Timbalan Ketua Pengarah JTM ke Institut Latihan Perindustrian, Ipoh Perak telah dijalankan pada 14 Nov 2012 yang lalu. Lawatan kerja ini bertujuan untuk menyelaraskan dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan fasiliti dan kemudahan Institut yang dilaksanakan di bawah Projek Pemuliharaan Fizikal Bangunan.

Sesi lawatan kerja ini juga turut diiringi oleh wakil pegawai daripada Bahagian Pembangunan Kemahiran, JTM dan juga kakitangan Institut termasuk Pengarah, Timbalan Pengarah dan kakitangan Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan Aset (BPPA). Mesyuarat pembukaan bagi lawatan ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, JTM dengan pembentangan laporan-laporan progres/laporan kemajuan berkenaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan fizikal bangunan/kemudahan oleh Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan Aset (BPPA). Beberapa perkara telah dibangkitkan termasuk jangka masa (tempoh siap) kerja perlu disiapkan oleh pihak Kontraktor dan pemantauan terhadap aspek kualiti berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Institut perlu dipatuhi dan perlu diambil perhatian.

Sesi lawatan kerja ini diteruskan dengan lawatan Tn Timbalan Ketua Pengarah melawat sekitar kawasan Institut dan beberapa bahagian bengkel termasuk Bengkel Teknologi Kimpalan Arka Dan Gas dan Teknologi Pembuatan – Perkakasan. Selain itu, lawatan turut juga dibuat bagi melihat kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan fizikal bangunan. Lanya adalah termasuk kerja-kerja menggantikan bumbung bengkel daripada bumbung jenis atap genting kepada bumbung jenis metal deck with PU Form (mengikut standard dan piawaian JKR) dan penyelenggaraan sistem saluran longkang yang sentiasa tersumbat di Bahagian Teknologi Keramik khususnya di bahagian slip casting process dan mould making yang sedang giat dijalankan oleh pihak Kontraktor.



## Kempen Kesihatan 1 Malaysia

Kesihatan merupakan salah satu perkara utama yang perlu dititikberatkan oleh semua orang. Kesihatan menjamin kesejahteraan diri, keluarga dan seterusnya masyarakat sekeliling. Dalam zaman yang semakin moden dan mencabar ini, penjagaan tentang kesihatan seringkali diabaikan oleh sesetengah individu kerana kekangan waktu akibat kesibukan dengan tugas harian dan kurangnya kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan.

Atas kesedaran itu, Institut Latihan Perindustrian Ipoh dengan kerjasama Panel Penasihat Klinik Kesihatan Jelapang telah menganjurkan satu program komuniti iaitu 'Kempen Kesihatan 1Malaysia' yang diadakan khusus untuk memberi kesedaran tentang penjagaan kesihatan di samping memberi pendedahan tentang amalan gaya hidup sihat kepada penduduk setempat. Program ini telah diadakan pada 1 Disember 2012 bertempat di Institut Latihan Perindustrian Ipoh dan mensasarkan penduduk di sekitar DUN manjoi serta warga ILP Ipoh dan Klinik Kesihatan Jelapang. Program telah dirasmikan oleh wakil ADUN Manjoi, En. Farid bin Wazali.

Program diadakan bermula jam 7.30 pagi hingga 1.00 tengahari. Pelbagai aktiviti telah diatur untuk semua golongan iaitu kanak-kanak, orang dewasa, warga emas termasuk kanak-kanak OKU. Program dimulakan dengan aktiviti senamrobik diikuti dengan program Berjalan 1000 Langkah yang diadakan di sekitar kawasan ILP Ipoh. Di dewan ILP Ipoh, aktiviti pemeriksaan kesihatan telah diadakan iaitu pemeriksaan BMI, tekanan darah, paras glukosa darah, pap smear, pemeriksaan payudara dan pemeriksaan pergigian. Terdapat juga ceramah kesedaran 'Kenali Ubat Anda' yang dikendalikan oleh pegawai farmasi Klinik Kesihatan Jelapang.

Bagi memeriahkan lagi suasana pada hari itu, beberapa pertandingan dan pameran telah diadakan seperti pertandingan mewarna, gubahan, futsal, aktiviti sukaneka bersama kanak-kanak OKU dan pameran daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan pameran kesihatan. Semoga dengan penganjuran program seumpama ini dapat menyuburkan amalan gaya hidup sihat kepada setiap individu.



## Malam Semester Akhir 2012

Sepanjang tahun 2012 sebanyak 2 kali Majlis Malam Semester Akhir diadakan. Pada semester pertama bertarikh 30 Mei 2012, tema yang dipilih adalah "Lavender Night" dan pada semester kedua bertarikh 05 Disember 2012 pula adalah "The Block Colour Night".

Tema "Lavender Night" dipilih berdasarkan simbolik kepada pohon lavender yang mempunyai ketenangan warna disamping keharumannya yang menggambarkan memori pelajar di Institut yang bakal segar dalam ingatan.

Tema "The Block Colour Night" pula dipilih berdasarkan simbolik kepada pengalaman para pelajar yang pelbagai warna ketika berada di Institut ini.

Para pelajar diwajibkan memakai pakaian mengikut tema warna yang ditetapkan. Acara pada malam tersebut dimulakan dengan majlis penyampian Sijil Perhargaan kepada semua Majlis Perwakilan Pelajar, Pelajar Terbaik Bahagian dan Pelajar Terbaik Keseluruhan. Kedua-dua Majlis Malam Semester pada malam itu juga diiringi dengan persembahan muzik dari bekas pelajar Bahagian Elektrikal.







## Pertandingan Bowling PSKK

Biro Sukan dan Rekreasi PSKK ILP Ipoh telah menganjurkan Pertandingan Bowling 2012 untuk ahli-ahli berdaftar pada 5 Januari 2013 yang lalu. Pertandingan bowling ini telah dirasmikan oleh En. Jamil bin Yahya selaku Penaung Pertubuhan Sukan dan Kebajikan Kakitangan ILP Ipoh. Seramai 62 orang ahli PSKK telah menyertai pertandingan tersebut yang telah diadakan di Ipoh Bowl, Kinta City.



Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu berkumpulan lelaki, individu lelaki dan individu wanita. Antara objektif pertandingan adalah untuk memupuk semangat muhibbah di dalam aktiviti riadah di kalangan kakitangan dan mengasah bakat terpendam di dalam sukan bowling. Terima kasih diucapkan kepada Biro Sukan dan Rekreasi PSKK di atas penganjuran pertandingan ini dan diharap akan diteruskan pada masa-masa akan datang.

**Berikut adalah keputusan Pertandingan Bowling tersebut;**

### 1. Berkumpulan Lelaki;

- Tempat Pertama : Mohammad Rahim bin Ramli  
Anuar Bin Sulong  
Mohd Nasir bin Taib
- Tempat Kedua : Riduan Bin Mohd Zulkifli  
Zaid Zulfaqah bin Shaharin  
Mohd Norhisham bin Mohamed Ali
- Tempat Ketiga : Mohd Aris bin Mat Taib  
Mohd Hafiz bin Mohd Ramadhan  
Mohd Rizzuan bin Yusof

### 2. Individu Lelaki;

- Tempat Pertama : Riduan bin Mohd Zulkifli  
Tempat Kedua : En. Mohd Nasir bin Taib  
Tempat Ketiga : Mohd Rizzuan bin Yusof

### 3. Individu Wanita;

- Tempat Pertama : Azura Zuliana bt Alias  
Tempat Kedua : Shuhaida Aini bt Shaik Allawoodin  
Tempat Ketiga : Hamymuhar Niza bt Mohamad

# KURSUS YANG DITAWARKAN DI ILP IPOH

## Kursus Sepenuh Masa

Bidang kursus yang ditawarkan di ILP Ipoh memberi tumpuan terhadap pelbagai jenis industri yang terdapat di Negeri Perak. Justeru itu bidang kursus yang dijalankan adalah memenuhi keperluan industri tempatan.

## Penggal Latihan

Latihan sepenuh masa dijalankan selama 1 tahun di institut dan semua pelajar perlu menjalani latihan industri selama 3 bulan di industri.

Kod	Bidang Kemahiran	Kursus Sepenuh Masa		Keterangan Kursus
		Tempoh Latihan	Tahap Kemahiran	
A01	Teknologi Mekanik Industri	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar menggunakan alat-alat tangan bagi kerja-kerja asas logam, teknik-teknik kimpalan arka dan gas, fabrikasi logam, menyelenggara dan membaiki pelbagai jenis mesin, penggunaan mesin pneumatic dan hidraulik.
A04	Teknologi Pembuatan Perkakasan (Die)	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar mengendali, menyelenggara peralatan dan menggunakan pelbagai jenis mesin 'conventional', mesin kawalan berangka (CNC) serta mesin kuasa pemampat untuk membuat dan membaiki komponen-komponen acuan mengikut spesifikasi yang ditetapkan supaya acuan selamat untuk digunakan.
A05	Teknologi Pembuatan Perkakasan (Mould)	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan dibimbing untuk menghasil dan membentuk pelbagai jenis acuan bagi menghasilkan produk yang diperbuat dari plastic. Pelajar akan diajar untuk menyediakan dan mengoperasi pelbagai jenis mesin konvensional dan pelbagai jenis mesin kawalan berangka (CNC) untuk merekabentuk acuan suntikan plastic dua plat. Disamping itu juga pelajar akan dilatih untuk memasang, menguji dan mengenalpasti masalah pada acuan.
A06	Teknologi Foundri	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar mengenai asas logam, logam feros, bukan feros, sifat-sifat logam, penggunaan relau, rawatan haba, analisa kasting, pembuatan acuan, peleburan logam, jenis-jenis corak, bahan corak, kaedah merancang pembuatan dan pembinaan corak, membaca dan melukis lay-out (blueprint), alatan membuat corak dan sebagainya. Disamping itu pelajar juga akan dilatih untuk melakukan kemas dan ujian akhir pada produk siap. Kursus penyeliaan (supervisor) juga akan diberikan kepada para pelajar.
A08	Teknologi Kimpalan	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar mengenai kaedah pemotongan, membuat Arka & Gas kimpalan jenis arka dan gas, membuat kimpalan ke atas logam, membaca symbol dan lukisan blueprint dan menguji sambungan kimpalan.
A09	Tek. Fabrikasi Logam	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar mengenai membuat, merekabentuk, memasang dan memperbaiki barangan atau logam berangka dengan cara mengimpal, memotong, melipat dan menggulung.
A15	Tek. CADD Mekanikal	24 Bulan.	Tahap 2-3	Pelajar akan diajar menyediakan pelan sesuatu komponen mekanikal, lukisan pemasangan dan butiran, merangka lukisan mengikut skala dan piawaian tertentu sesuatu objek.
B01	Tek. Elektrik	24 Bulan.	Tahap 1-3 PW2	Pelajar akan diajar cara-cara pendawaian, mengendali dan menguji pendawaian satu dan tiga fasa, mencari, mengesan, membaiki kerosakan alat-alat elektrik serta mengawal, membaik pulih alat janakuasa, motor dan peralatan elektrik industry mengikut piawaian Suruhanjaya Tenaga (ST).
B02	Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara	27 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar mengenai system pemampatan dan pemeluwapan, memasang dan menyambung system paip penyejukan, menganalisa teknik-teknik pemuliharaan dan membaiki system elektrik dan mekanikal serta memilih penyaman udara mengikut keperluan.
B08	Pendawai Elektrik 3 Fasa	12 Bulan.	PW4	Pelajar akan diajar kaedah dan cara-cara mendawai, memasang, mengendali dan menguji pemasangan pendawaian dan peralatan elektrik 3 fasa dan semua aspek keselamatan berkaitan pemasangan berkenaan berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Akta Bekalan Elektrik, Suruhanjaya Tenaga dan undang-undang lain yang berkaitan.

E02	Teknologi Seramik	30 Bulan.	Tahap 1-3	Pelajar akan diajar mengenai asas-asas bahan seramik, pengadunan untuk dijadikan produk separa siap dan produk siap, belajar proses membentuk, mengering, membakar serta menjalankan ujian kualiti terhadap produk.
F01	Teknologi Komputer (Sistem)	24 Bulan.	Tahap 2-3	Pelajar akan diajar mengenai pemasangan, penyelenggaraan, mengesan kerosakan, membaiki sistem rangkaian komputer serta merekabentuk rangkaian sistem komputer.

Aktiviti Ko-Kurikulum	Kemudahan	Kelayakan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertahanan Awam</li> <li>Persatuan Bulan Sabit Merah</li> <li>Pengakap Kelana</li> <li>Taekwando</li> <li>Sidang Redaksi dan Fotografi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Asrama dan makanan disediakan secara percuma</li> <li>Bengkel yang lengkap, Perpustakaan</li> <li>Elaun saku</li> <li>Pelbagai kemudahan sukan</li> <li>ICT rangkaian maklumat dan komunikasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warganegara Malaysia berumur di antara 17 hingga 30 tahun</li> <li>Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dan lulus Bahasa Melayu</li> <li>Sihat tubuh badan</li> </ul>

Pengiktirafan Sijil	Pembiayaan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan pembangunan Kemahiran (JPK) SKM Tahap 1, 2, dan 3</li> <li>Suruhanjaya Tenaga (ST)</li> <li>Jabatan Tenaga Manusia (Sijil Juruteknik Perindustrian)</li> </ul>	Kursus sepenuh masa tidak dikenakan bayaran (tertakluk pada pindaan) kecuali ditaja oleh syarikat swasta

### Kemasukan

- Pengambilan untuk kursus sepenuh masa dibuat pada bulan Januari dan Julai.
- Iklan akan dikeluarkan dalam akhbar tempatan (dua kali setahun) pada bulan Mac dan September.
- Permohonan secara online di laman web: <http://www.jtm.gov.my>
- Permohonan dari industri untuk menganjurkan latihan sepenuh masa bagi pekerja boleh dibuat terus ke Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Manusia dengan menggunakan borang yang sama.
- Isi borang permohonan dengan lengkap dan kemukakan borang bersama salinan sijil dan kad pengenalan kepada:
 

**PENGARAH,**  
**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN**  
**JABATAN TENAGA MANUSIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN MERU**  
**30020 IPOH, PERAK**  
**TEL: 05-527 7777**  
**FAKS: 05-527 0702**  
**E-mail: info@ilpipoh.gov.my**

### Kursus Separuh Masa

Kursus separuh masa atau customized yang dikendalikan, memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran pekerja-pekerja industri. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Elektrik                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Pendawaian Satu Fasa (PW2)</li> <li>Pendawaian Tiga Fasa (PW4)</li> </ul> </li> <li>Teknologi Kimpalan Arka &amp; Gas                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Basic Arc Welding</li> <li>6G/6R Welding</li> <li>Basic Tungsten Inert Gas Welding</li> </ul> </li> <li>Tek. Fabrikasi Logam                             <ul style="list-style-type: none"> <li>'Fabrication of Steel Structure' (1-4)</li> </ul> </li> <li>Tek. CADD-Mekanikal                             <ul style="list-style-type: none"> <li>AutoCADD &amp; Inventor</li> </ul> </li> <li>Tek. Mekanik Industri                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Programmable Logical Control (PLC)</li> </ul> </li> <li>Tek. Penyejukbekuan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Service Aircond &amp; Chiller System &amp; Penyejukan Udara</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Foundri                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Investment Casting, Sand Casting</li> <li>Pattern Making</li> </ul> </li> <li>Teknologi Seramik                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Model Making (Plaster of Paris)</li> <li>Mould Making (Plaster of Paris)</li> <li>Slip Casting</li> </ul> </li> <li>Tek. Pembuat Acuan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>Progressive Die &amp; Master CAM Pembentuk &amp; Alat Pemotong</li> </ul> </li> <li>Tek. Komputer Sistem                             <ul style="list-style-type: none"> <li>PC Maintenance &amp; Assembly</li> </ul> </li> </ul>
--	---

Waktu latihan dijalankan kebiasaannya pada hujung minggu tertakluk kepada jadual yang dipersetujui bersama industri dan ILP Ipoh. Bayaran berdasarkan kepada jumlah jam dan bahan latihan yang digunakan.

## KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI ILP IPOH



Bangunan Pentadbiran



Dewan Kuliah Utama



Dewan Kuliah Utama



Bengkel Latihan



Bengkel Latihan



Bilik Kuliah



Pusat Sumber

## KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI ILP IPOH



Dewan Serbaguna



Surau



Dewan Makan



Kafeteria



Asrama Puteri



Asrama Putera



Padang Bola



Padang

## DARI PENA PSIKOLOGI “ART THERAPY, SATU ILUSTRASI SERIBU MAKNA DALAM KEHIDUPAN”

Apakah “art therapy”? Art Therapy adalah satu teknik yang digunakan oleh kaunselor dalam membantu klien meneroka masalah klien berdasarkan dari lukisan. Walaupun kadangkala ianya dilihat sebagai sekeping gambar, namun ianya mempunyai implikasinya tersendiri. Biarpun sekadar satu ilustrasi namun maknanya melangkawi benak pemikiran.

Art therapy sebenarnya sudah lama dibangunkan oleh Pakar Psikologi dan Kaunseling di barat. Mereka menggunakan kaedah ini dalam mengenalpasti masalah klien sama ada berat atau ringan sesuatu kes tersebut. Ada dalam kalangan pakar tersebut menggunakan teknik ini dalam mengenalpasti klien yang cuba untuk membunuh diri, klien yang stress di tempat kerja, klien yang dibuli dan lain-lain lagi.

Ironinya, teknik ini masih baru diperkenalkan di Malaysia. Berkesan kah? Perlu kita fahami Art Therapy adalah sekadar teknik yang digunakan oleh Kaunselor ataupun Psikologis dalam mereka mengenalpasti dan meneroka masalah klien. Tiada unsur pentafsiran gambar atau warna menggunakan magis, jin mahupun direka. Pentafsiran gambar dan warna adalah berdasarkan penakulan kognitif berdasarkan konteks pengalaman klien, kemahuan klien dan adaptasi klien kepada keadaan sekeliling. Kaunselor atau psikologis akan menafsir gambar dan warna tersebut melalui pemilihan warna yang dipilih klien dan objek yang dilukis oleh klien. Ironinya gambar yang dilukis oleh klien sebenarnya berkait rapat dengan sistem psikoanalisis manusia iaitu konsep pemikiran “tidak sedar” klien yang disimpan dalam kotak pemikirannya.

Berdasarkan pemikiran “tidak sedar” klien tadi diterjemahkan melalui lukisan dan warna yang dipilihnya tanpa disedari kenapa dan bagaimana sesuatu itu dilukis atau diwarnakan. Namun bukanlah mudah untuk menguasai teknik ini, kaunselor atau psikologis perlu menjalani beberapa kursus bagi memantapkan kemahiran mereka. Jadi bagi sesiapa yang ingin mencuba meneroka masalah sendiri dengan teknik ini bolehlah berjumpa Kaunselor ILP Ipoh untuk mengetahuinya.



# Art Therapy

POSTER VORTEKS



# Kejohanan Piala KP ILJTM 2012 Team ILP Ipoh

## Sejarah ILP Ipoh

Institut latihan Perindustrian (ILP) Ipoh atau lebih dikenali dahulu dengan panggilan Industrial Training Institute (ITI) telah dibina di atas sebidang tanah seluas 25 ekar dan ia terletak di kawasan Perindustrian Taman Meru Jelapang iaitu 12 kilometer dari pusat bandaraya Ipoh. Ia telah dibina pada tahun 1988 dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Shah pada 03 Julai 1992 dan mula beroperasi pada tahun 1990 dengan pengambilan seramai 42 orang pelajar perintis. Kini Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh boleh menampung jumlah pelajar sehingga 750 orang dalam satu masa dengan 11 kursus ditawarkan dan operasinya dilaksanakan oleh 143 kakitangan.

## Misi

Untuk mengeluarkan tenaga kerja berdaya saing.

## Visi

Untuk menjadi organisasi peneraju dalam membangunkan tenaga kerja berdaya saing.

## Objektif

Program latihan yang dikendalikan oleh Institut Latihan Perindustrian mempunyai objektif seperti berikut:-

- Melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian.
- Meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja industri, bagi membolehkan pekerja-pekerja ini memberi sumbangan dengan lebih berkesan ke arah pembangunan negara.
- Memudahkan para lepasan sekolah mendapat pekerjaan dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran perindustrian melalui latihan yang bersistematik.

**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN**  
Jabatan Tenaga Manusia,  
(Kementerian Sumber Manusia)  
Kawasan Perindustrian Taman Meru,  
30020 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
Tel : 05-5277777  
Fax : 05-5270702  
Emel : ilpipoh@itm.gov.my  
www.ilpipoh.gov.my

